



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## SIARAN MEDIA

---

### MAJLIS PENYERAHAN DANA KEMPEN PEDULI PALESTIN

---

**PUTRAJAYA, 27 OKTOBER 2023** – Pada hari ini, telah berlangsung Majlis Penyerahan Dana Kempen Peduli Palestin daripada Kementerian Sumber Manusia (KSM) yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Sumber Manusia bertempat di Dewan Serbaguna Aras 1, Blok Setia Perkasa 3. Dana yang dikumpul ini adalah hasil sumbangan ikhlas daripada warga Kementerian dan Jabatan bagi membantu mengurangkan penderitaan rakyat Palestin akibat konflik yang berlaku di Semenanjung Gaza sejak 7 Oktober 2023 yang lalu.

KSM telah menyerahkan dana dengan jumlah keseluruhan sebanyak **RM140,000** kepada Yayasan Global Peace Malaysia (GPM). Hasil sumbangan tersebut adalah daripada warga Kementerian, Jabatan dan Agensi di bawah kementerian iaitu sebanyak **RM115,000** dan daripada syarikat swasta Gas Malaysia sebanyak **RM25,000**. Dana ini bertujuan menzahirkan rasa kebersamaan dan solidariti terhadap nasib yang menimpa umat Islam di Palestin yang dizalimi oleh pihak Zionis Israel sehingga menyebabkan banyak nyawa yang terkorban dan telah mengakibatkan kerosakan harta benda.

Penyerahan dana ini adalah tanda sokongan KSM terhadap YAB Perdana Menteri iaitu **Malaysia kekal bersolidariti dengan perjuangan rakyat Palestin dan terus komited untuk memastikan bantuan kemanusiaan dapat disalurkan kepada rakyat Palestin**. Hal ini juga membolehkan rakyat Palestin dapat meneruskan hidup dengan bantuan keperluan asas seperti makanan dan perubatan ketika berdepan saat genting.

KSM berharap agar bantuan penyerahan dana ini dapat membantu rakyat Palestin dalam menempuh perjuangan mempertahankan tanah air mereka dan meringankan beban dalam mendapatkan keperluan demi kelangsungan hidup.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**